

-PM lawat Teluk Arab mulai 27 Feb

KUALA LUMPUR,
Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, melakukan lawatan rasmi ke tiga buah negara Teluk Arab 10 hari mulai 27 Februari ini.

Negara-negara tersebut ialah Bahrain, Oman dan Emiriyah Arab Bersatu (UAE).

Beliau juga akan melawat Jeddah (bukan lawatan rasmi) semasa dalam rangka lawatan ke negara-negara Teluk Arab.

Selain dari negara-negara Teluk Arab, Perdana Menteri akan juga melawat rasmi ke Thailand dan Bangladesh April ini.

"Saya juga berhajat melawat Papua New Guinea, Samoa, Tonga dan Fiji sebelum akhir tahun ini," katanya kepada para pemberita selepas merasmikan kursus pencerangan UMNO tiga hari di Ibupejabat UMNO di sini hari ini.

Beliau menjelaskan lawatan tersebut adalah sejajar dengan dasar keutamaan dasar luar Malaysia kepada negara-negara Islam dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali.